



---

*Disunting oleh  
Roswati Abdul Rashid  
Normalis Amzah  
Zoraida Mustafa*

---

# *Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Jepun Secara Dalam Talian*



マレーシア日本語教師会  
Malaysia Japanese Language Instructors Society



# Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Jepun Secara Dalam Talian



Disunting oleh:

Roswati Abdul Rashid  
Normalis Amzah  
Zoraida Mustafa

Malaysia Japanese Language Instructors Society  
Pusat Kajian Bahasa & Linguistik,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi

*Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Jepun Secara Dalam Talian*

Hak Cipta Terpelihara © 2022. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Malaysia Japanese Language Society (MAJLIS).

*© 2022 All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Malaysia Japanese Language Society (MAJLIS).*

Diterbitkan oleh/Published in Malaysia by

Malaysia Japanese Language Instructors Society (MAJLIS)  
c/o Dr. Normalis Binti Amzah  
Pusat Kajian Bahasa & Linguistik,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi

43600 Selangor, Malaysia  
<https://www.majliskyoshikai.com/>  
E-mel: majliskyoshigakkai@gmail.com

## Prakata

Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) telah menjadi alat yang sangat penting di masa kini. Penularan Pandemik Covid-19 di seluruh dunia telah menjadi pencetus mengaktifkan dan merencanakan lagi penggunaan ICT bagi kelangsungan hidup. Ini tidak terkecuali dalam bidang pendidikan. Perubahan ini berlaku dengan drastik dan mendesak dalam pengendalian PdP di peringkat pendidikan rendah mahupun tinggi. Sama ada suka atau tidak, pengajar mahu pun pelajar terpaksa menggunakan wadah PdP yang sebelum ini begitu asing bagi mereka seperti *zoom, google meet, google classroom* dan *microsoft teams*.

Perubahan ini menuntut ramai pengajar tidak kira sama ada yang baru mengajar atau telah berpengalaman berpuluh tahun untuk bermula dari asas menggunakan alat-alat pengajaran secara maya ini. Mereka meneroka dan mencuba pelbagai perisian dan aplikasi yang ada dalam usaha mencari yang paling sesuai dan mudah digunakan dalam sesi PdP secara maya. Sungguhpun begitu, walaupun sukar, tidak dinafikan ramai pengajar yang berani dan rajin mencuba dan berjaya menemui malah mencipta kaedah pengajaran yang dirasakan berkesan dalam melaksanakan PdP dalam talian. Untuk itu, MAJLIS mengambil inisiatif untuk mengumpulkan sebanyak mungkin teknik, kaedah dan maklumat tersebut dalam bentuk penulisan dan dikumpulkan dalam satu sumber, iaitu buku elektronik atau e-Buku ini.

E-Buku ini bukan hanya menyajikan panduan atau teknik-teknik PdP secara maya tetapi secara tidak langsung menjadi wadah untuk para pengajar bahasa Jepun berkongsi pendapat dan pengalaman. Diharapkan akan lebih banyak lagi artikel-artikel yang berkaitan penggunaan ICT dalam PdP dikongsikan dan menjadi rujukan para pengajar dalam bidang pendidikan bahasa Jepun di Malaysia mahupun di seluruh pelusuk dunia.

Buku ini akan dimuatnaik ke Laman Sesawang MAJLIS untuk rujukan kepada sesiapa yang berminat dengan PdP bahasa Jepun sebagai bahasa asing secara maya dan ini membuka peluang untuk para pengajar bahasa Jepun di Malaysia mencipta jaringan. Buku elektronik ini juga merupakan salah satu sumbangan khidmat masyarakat MAJLIS.

*Roswati Abdul Rashid*  
*Normalis Amzah*  
*Zoraida Mustafa*

# Kandungan

<b>Prakata</b>	iii
<b>Kandungan</b>	iv
<b>Senarai Jadual</b>	v
<b>Senarai Rajah</b>	v
1 Penggunaan <i>Whiteboard.fi</i> sebagai Kaedah Memantau Tulisan atau Jawapan Pelajar <i>Normalis Amzah</i>	1
2 Penggunaan <i>Drawing Pad</i> sebagai Alat Bantu PdP Sistem Tulisan Bahasa Jepun Secara Maya <i>Roswati Abdul Rashid</i>	10
3 Pengalaman PdPR Berasaskan Tugas - <i>E-Story</i> Ooi Guan Lee	16
4 <i>TAMANEGI 401</i> : ODL Bahasa Jepun Melalui <i>Telegram</i> <i>Noor Aizah Abas</i>	32
5 Penilaian Kursus Bahasa Jepun di Universiti Putra Malaysia <i>Roslina Mamat</i>	45
6 Kemahiran Menulis Menggunakan <i>Google Jamboard</i> <i>Azmi bin Asura</i>	50
7 Cadangan Pendekatan Pengajaran Kanji Berteraskan Teori Psikolinguistik Jepun <i>Muhammad Nadzif Bin Ramlan</i>	72
8 M - Pembelajaran: Penggunaan Aplikasi <i>Telegram</i> Dalam PdP Bahasa Jepun <i>Zeety Kartini Abdul Hamid &amp; Yuzairi Abdul Rahim</i>	91
9 Aktiviti Silang Budaya Secara Maya <i>Zoraida Mustafa</i>	101
10 Fungsi Anotasi dalam PdP Bahasa Jepun Secara Maya <i>Tg. Iffah Tuan Yazid</i>	106
11 Penggunaan <i>Padlet</i> dalam Memperkasakan Kemahiran Menulis Esei Pendek Bahasa Jepun <i>Rokiah Pae</i>	112
<b>Biodata</b>	119
<b>Indeks</b>	124

## Senarai Jadual

5. 1: Penilaian Kursus	47
7. 1: 80 Kanji JLPT N5	76
7. 2: Perbandingan Kanji pada Buku Teks	77

## Senarai Rajah

1. 1: Laman Utama <i>Whiteboard.fi</i>	3
1. 2: Papan Putih Setiap Pelajar di Dalam Kelas	3
1. 3: Menonjolkan Jawapan Setiap Pelajar	4
1. 4: Gaya Coretan	6
1. 5: Membetulkan Tulisan Pelajar bagi Huruf <i>Me</i>	7
1. 6: Membetulkan Tulisan Pelajar bagi Huruf <i>Ya</i>	7
2. 1: Bahagian Huruf <i>Hiragana</i> yang Harus Diberi Perhatian.	11
2. 2: Saiz <i>Writing Pad</i>	12
2. 3: Contoh Penggunaan <i>Writing Pad</i> pada <i>Microsoft Power Point</i>	14
2. 4: Contoh Penggunaan <i>Writing Pad</i> pada <i>Microsoft Word</i>	14
6. 1: Kedudukan <i>Jamboard</i>	56
6. 2: Fail Pribadi	56
6. 3: <i>Jamboard</i> Sebagai Papan Tulis/Putih	57
6. 4: Pemakluman pada <i>WhatsApp Group</i>	58
6. 5: Paparan Utama <i>Google Classroom</i>	58
6. 6: Pemakluman PdP dan Lain-Lain Bahan	59
6. 7: Proses PdP dijalankan Menggunakan <i>Jamboard</i>	60
6. 8: Contoh I Pengajaran	61

6. 9: Contoh II Pengajaran	61
6. 10: Contoh Latihan	63
6. 11: Contoh Pembetulan Kesilapan Pelajar	63
6. 12: Contoh Latihan Tambahan	63
6. 13: Proses Pengumpulan Idea Pelajar	65
6. 14: Perubahan Idea Pelajar Selepas Bimbingan Guru	65
6. 15: Contoh Idea Pelajar	66
6. 16: Kerangka Karangan yang Telah Diekstrak	66
6. 17: Laman Sesawang <i>ClassDojo</i>	67
7. 1: <i>Kanji in Context</i>	81
7. 2: <i>Kanji in Context</i>	81
7. 3: Visualisasi Radikal - 目 dan 耳	83
7. 4: Visualisasi Radikal - 火	84
7. 5: Marugoto Starter - 茶	85
7. 6: Marugoto Elementary 1 - 味	85
7. 7: Aplikasi <i>Kanji Memory Hint</i>	87
8.1: <i>Telegram</i> Menggunakan <i>Username</i> atau Nombor Telefon	93
8. 2: Contoh Fail Tugasan Pelajar Menggunakan Aplikasi <i>Telegram</i>	94
8. 3: Rakaman Pelajar dan Komen Pengajar Melalui <i>Telegram</i>	95
8. 4: Contoh Fail yang Dimuatnaik ke Kumpulan <i>Telegram</i> Bahasa Jepun	96
8. 5: Contoh <i>Quizbot</i> dalam Kumpulan <i>Telegram</i> Bahasa Jepun	97
8. 6: Contoh Penggunaan <i>Pollbot</i>	98
8. 7: Contoh Penggunaan <i>Skeddybot</i>	99
10.1: Pad Sesentuh	108

10. 2: Butang " <i>Grade</i> " pada Laman Sesawang <i>eCampus</i>	109
10. 3: Contoh Maklum Balas Bertulis Menggunakan Fungsi Anotasi	109
11. 1: Perkara yang Boleh dilakukan Dalam <i>Padlet</i>	114
11. 2: Contoh Hasil Kerja Pelajar I	116
11. 3: Contoh Hasil Kerja Pelajar II	117



## BAB 11

### **Penggunaan *Padlet* dalam Memperkasakan Kemahiran Menulis Esei Pendek Bahasa Jepun**

*Rokiah Pae*

#### **Pengenalan**

Seiring dengan perkembangan teknologi yang pesat, pelbagai aplikasi telah dicipta sebagai alat bantu PdP. Di era IR4.0, pengintergrasian teknologi dalam kelas sudah menjadi satu kemestian dan pengajar perlu mengadaptasi perubahan dengan mendalami ilmu teknologi terkini agar ia dapat diaplikasikan dalam PdP. Penggunaan teknologi boleh merubah teknik PdP. Ia juga berupaya menambah minat pelajar terhadap PdP kerana pelajar kini lebih banyak menggunakan teknologi dan gadget dalam kehidupan sehari-hari. Ditambah pula dengan penularan pandemik, pembelajaran secara maya menjadi alternatif kepada pembelajaran bersemuka dan ini membuka lebih ruang kepada penggunaan teknologi dalam PdP.


Kemahiran menulis adalah kemahiran yang bersifat produktif dan ia adalah antara kemahiran yang perlu dikuasai dalam pembelajaran bahasa selain daripada kemahiran membaca, mendengar dan bercakap. Dalam pembelajaran bahasa asing, pelajar perlu membuat banyak latihan untuk melazimkan dan meneguhkan tabiat berbahasa yang dipelajari. Kebiasaannya, bagi meningkatkan kemahiran menulis dalam bahasa Jepun, pelajar diminta untuk menghantar tugas yang menggunakan

tulisan tangan terutamanya bagi pelajar peringkat asas. Namun begitu, bagi pelajar yang telah menguasai penulisan huruf bahasa Jepun, mereka boleh diperkenalkan kepada penggunaan papan kekunci bahasa Jepun bagi tugas penulisan. Pelajar boleh menghantar tugas dalam bentuk *Microsoft Word* atau PDF. Namun begitu terdapat aplikasi yang boleh digunakan untuk meningkatkan kemahiran menulis yang banyak digunakan dalam pembelajaran bahasa. Antaranya adalah applikasi *Padlet*.

### ***Padlet***

*Padlet* adalah sejenis papan interaktif dinding maya yang menyediakan ruang kepada pengguna untuk berkongsi maklumat atau bahan dalam bentuk pautan laman, teks, gambar, video dan juga audio dalam satu paparan. Ia berfungsi sebagai papan notis maya. *Padlet* boleh diakses daripada laman sesawang *Padlet* - <https://padlet.com>. Ia juga boleh dimuat turun dan dipasang pada peranti *Apple* ataupun *Android*. Pengajar hanya perlu memberi pautan atau kod QR kepada pelajar dan pelajar boleh mengakses *Padlet* sebagai *guest* tanpa perlu memiliki akaun dengan hanya mengklik pautan atau scan kod QR yang diberikan. Sesiapa sahaja yang mempunyai akses kepada *Padlet*, boleh melihat apa sahaja yang ada dipaparan tersebut secara serentak. Mereka juga boleh memberi maklumbalas terhadap apa yang dipaparkan, menyumbang idea dan juga berkongsi maklumat. Semua ini boleh dilakukan samada secara terang atau rahsia iaitu tanpa meletakkan nama sekiranya tidak mahu dikenali.

Ini memberi ruang kepada pelajar yang agak pemalu semasa dalam kelas untuk turut serta dalam tugas yang diberi.



**Rajah 11. 1: Perkara yang Boleh Dilakukan dalam *Padlet***

Sumber: <https://padlet.com>

*Padlet* boleh digunakan secara percuma, namun ia terhad kepada tiga paparan padlet. Had muat naik adalah 25MB/muat naik. Bagi pelan berbayar versi laman sesawang, pengguna boleh memilih untuk membayar setiap bulan sebanyak RM15 atau RM144 bagi tempoh setahun. Bagi pelan berbayar, 250MB dibenarkan bagi setiap muatnaik dan tiada had paparan.

Penggunaan *Padlet* dalam kelas bahasa didapati boleh meningkatkan kemahiran menulis selain daripada meningkatkan motivasi pelajar untuk turut serta dalam aktiviti

kelas (Chen, 2021), mengurangkan kebimbangan, meningkatkan interaksi antara ahli kelas dan pengajar, juga meningkatkan ketepatan berbahasa melalui pembelajaran bersama rakan sekelas (Rashid et.al., 2019). Kebanyakan pelajar menggunakan kamus dan menyediakan draf untuk memastikan apa yang ditulis tepat dari segi penggunaan kosa kata dan struktur ayat berbanding semasa mereka menulis atas kertas (Farahidatul Akmar Awaludin et al., 2017). Pelajar juga boleh belajar daripada apa yang telah dimuat naik oleh pelajar lain seperti cara penggunaan kosa kata ataupun nahu yang betul. Membaca hasil kerja pelajar lain tidak menjadikan pelajar boleh menulis dengan baik. Namun begitu, banyak membaca adalah prasyarat untuk boleh menulis dengan baik kerana bahan bacaan yang baik boleh menjadi satu contoh bagi penulisan mereka (Takeuchi, 2003).


### ***Padlet* dalam PdP Bahasa Jepun**

*Padlet* boleh digunakan dengan pelbagai cara untuk meningkatkan kemahiran menulis pelajar bahasa Jepun. Antara aktiviti yang boleh dilakukan adalah seperti berikut.

1. Sesi memperkenalkan diri masing-masing di awal semester
2. Memperkenalkan figura, masakan, makanan popular, tempat-tempat menarik atau kampung halaman
3. Membincangkan apa yang sesuai untuk dijadikan hadiah bagi sesuatu keraian atau bagaimana cara yang sesuai untuk belajar bahasa Jepun. Memberikan sebab kenapa cadangan itu sesuai atau berguna.

4. Membina soalan temubual atau kaji selidik yang juga boleh digunakan semasa sesi *breakout room* untuk latihan kemahiran bercakap.
5. Memberi maklum balas terhadap perkongsian rakan sekelas sama ada dalam bentuk soalan atau komentar.

Bagi pelajar tahap paling asas boleh menulis dalam bahasa Jepun tetapi dengan menggunakan tulisan *romaji*. Bagi pelajar yang sudah sedikit mahir, digalakkan untuk menggunakan bahasa Jepun sepenuhnya. Berdasarkan perkongsian mereka, pengajar dapat mengetahui sejauh mana tahap penguasaan terhadap apa yang telah dipelajari. Sekiranya pelajar tidak keberatan, mereka boleh membuat profail beserta gambar atau *avatar* masing-masing. Sesi ini juga memberi peluang kepada pengajar dan pelajar saling kenal-mengenal.



**Rajah 11. 2: Contoh Hasil Kerja Pelajar I**  
Sumber: Rokiah Pae (2021)



**Rajah 11. 3: Contoh Hasil Kerja Pelajar II**  
 Sumber: Rokiah Pae (2021)

## Kesimpulan

*Padlet* adalah satu platform multimedia yang mesra pengguna dan boleh digunakan secara percuma. Ia boleh digunakan secara segerak dan melibatkan semua pelajar samada untuk PdP maupun penilaian di luar atau di dalam kelas. Penggunaan *Padlet* membolehkan penglibatan dan penyertaan pelajar secara menyeluruh, dan juga maklumbalas yang lebih efektif berbanding aplikasi lain. Namun begitu, terdapat dua halangan utama kelancaran penggunaan *Padlet* iaitu kestabilan capaian internet dan juga kadar celik digital pengajar dan pelajar. Bagi mengatasi masalah kestabilan internet, pengajar boleh memberikan ruang masa yang lebih fleksibel untuk pelajar menyelesaikan tugas. Manakala bagi celik digital, institusi pendidikan boleh mengadakan program-program yang bersesuaian untuk tujuan PdP.

## Rujukan

- Chen, Mei-Yi. (2021). Understanding foreign language learners' perceptions of teachers' practice with educational technology with specific reference to Kahoot! and Padlet: A case from China. *Educ Inf Technol* (2021). <https://doi.org/10.1007/s10639-021-10649-2>
- Farahidatul Akmar Awaludin, Rafidah Abd Karim, & Nurul Huda Mohd Saad. (2017). Padlet: A digital collaborative tool for academic Writing. *Journal of Education and Social Sciences*. 8(1).
- Rashid, A., Yunus, M., & Wahid, W. (2019). Using Padlet for collaborative writing among ESL learners. *Creative Education*, 10, 610-620. <https://doi: 10.4236/ce.2019.103044>.
- Takeuchi, O. (2003). What can we learn from good foreign language learners? A qualitative study in the Japanese foreign language context. *System*. 31, 385-392.

## BIODATA

1. **Azmi bin Asura** merupakan guru bahasa Jepun di SMK (P) Temenggong Ibrahim, Batu Pahat, Johor. Beliau mempunyai pengalaman mengajar bahasa Jepun selama 15 tahun semenjak tahun 2007. Beliau memperolehi Sarjana Muda Bahasa dan Linguistik dari Universiti Malaya pada tahun 2002 dan memperolehi Sijil Perguruan Khas (Bahasa Jepun) dari IPG Kampus Bahasa Antarabangsa pada tahun 2007. Beliau pernah terlibat dalam penulisan jurnal 'Aktiviti Gamification' di bawah IPGKBA tahun 2018. Pernah terlibat sebagai panel dalam Virtual Forum "Guru dan Kurikulum" dan pembentang dalam Taklimat Pelaksanaan PdP Berdasarkan DSKP Mata Pelajaran Bahasa Jepun bagi guru-guru baharu Bahasa Jepun. Melibatkan diri secara aktif dengan memberi bimbingan kepada anak-anak bagi menyertai pertandingan-pertandingan Bahasa Jepun di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa.

2. **Muhammad Nadzif bin Ramlan** merupakan penyelidik bebas dan penterjemah profesional yang berdaftar sebagai ahli Persatuan Penterjemah Malaysia (PPM) serta *Chartered Institute of Linguists* (CIOL) berpangkalan di United Kingdom. Beliau ialah graduan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dengan Kepujian (Cemerlang) pengkhususan Ekonometrik dan Statistik Gunaan, minor bahasa Jepun dan linguistik terapan dari UKM. Beliau juga memiliki Diploma Profesional Penterjemahan (Kepujian Tinggi) oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan PPM, serta Sijil Penterjemahan Arab-Melayu (Kepujian) oleh Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM). Beliau penerima Biasiswa Kerajaan Turkiye untuk menimba ilmu bahasa Turki sehingga peringkat C2 di Universiti Istanbul. Skop kajian beliau amat luas merangkumi ekonomi, linguistik sehingga usuluddin; tumpuan kajian beliau dalam pengajian Jepun termasuk stilistik (kesusasteraan), etnolinguistik dan terjemahan mesin. Beliau pernah berkhidmat di Khazanah Research Institute sebagai pelatih penyelidik dan pembaca prof ad-hoc selain bertugas sebagai Ketua Editor jurnal ECONSILIENCE terbitan *Association of Malaysian Economics Undergraduates* (AMEU). Beliau merupakan salah satu penilai (*peer reviewer*) jurnal akademik iaitu *Japanese Research on Linguistics, Literature and Culture* terbitan Universitas Dian Nuswantoro, Indonesia, dan penyelidik bagi salah satu projek Kursi Endowmen MPOB-UKM.

3. **Noor Aizah binti Abas** merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Bahasa Asia dan Eropah, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor. Beliau mula berkhidmat di UiTM sejak 2006. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda pada tahun 1998 dan Ijazah Sarjana pada tahun 2004 daripada Universiti Hiroshima, Jepun. Beliau juga mempunyai Sijil Penyelidikan dalam bidang Pengurusan Sumber Manusia daripada Universiti Yamaguchi, Jepun. Selain itu, beliau pernah mengikuti Kursus Latihan Guru Bahasa Jepun di the Japan Foundation, Kuala Lumpur dan di the Japan Foundation Saitama, Jepun. Bidang kajian beliau ialah pengajaran dan pembelajaran bahasa Jepun, komunikasi antara budaya dan budaya Jepun.



4. **Normalis Amzah** merupakan Pensyarah Bahasa Jepun dan linguistik di Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sejak tahun 2006. Beliau merupakan graduan Universiti Nagoya dan memperoleh ijazah doktor falsafah dari Universiti Kebangsaan, Singapura (NUS) selain mempunyai Sijil Pengajaran Bahasa Jepun daripada the Japan Foundation, Kuala Lumpur. Bidang kajian beliau adalah berkaitan bahasa, linguistik dan budaya Jepun serta telah menerbitkan pelbagai penerbitan yang berkaitan dengan bahasa, budaya Jepun, pemerolehan bahasa asing, terjemahan dan linguistik. Beliau juga merupakan salah seorang editor jurnal akademik, *3L: Language, Linguistics, Literature* dan memegang jawatan Setiausaha Persatuan Pengajar Bahasa Jepun Malaysia (MAJLIS).

5. **Ooi Guan Lee** merupakan seorang Guru Cemerlang Bahasa Jepun di Sekolah Menengah Sains Kepala Batas, Pulau Pinang. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengajian Bahasa Jepun daripada Tokyo Univeristiy of Foreign Studies, Jepun pada tahun 2001 serta Ijazah Sarjana dalam bidang Pengurusan Pendidikan di Universiti Utara Malaysia, Kedah pada tahun 2011. Beliau pernah berkhidmat di Sekolah Menengah Sains Lahad Datu, Sabah dan Sekolah Menengah Sains Tuanku Syed Putra, Perlis. Selain juga beliau juga pernah terlibat dengan Penggubalan Sukatan Pelajaran Bahasa Jepun, Kementerian Pendidikan Malaysia, penulis Buku Teks Bahasa Jepun Tingkatan 3, Tingkatan 4 dan Tingkatan 5, Kementerian Pendidikan Malaysia, salah seorang Core Teacher Japanese Speaker's Forum, Kamenori Foundation dan Japan Foundation, salah seorang penulis buku "Modul Bahasa Jepun Ujian Pencapaian Bahasa Antarabangsa – Bahasa Jepun" serta salah seorang ahli Editorial Committee Japanese Language Workbook for Secondary Schools, Japan Foundation Kuala Lumpur. Beliau juga pernah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Johan Anugerah Guru Cemerlang Kokurikulum Sekolah Menengah di negeri Perlis dan di negeri Pulau Pinang, Tempat ke-4 dalam Anugerah Guru Cemerlang Kokurikulum Sekolah Menengah peringkat kebangsaan, Naib Johan 3-Minute Pitching Sekolah Menengah Individu Seberang Perai Utara, Pulau Pinang, Anugerah Guru Inovatif Sekolah Menengah Pejabat Pendidikan Daerah Sebarang Perai Utara, Pulau Pinang.

6. **Roswati Abdul Rashid** merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Bahasa dan Komunikasi, Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu. Bidang kajian beliau ialah linguistik terapan. Beliau telah mengajar bahasa Jepun selama 24 tahun. Pernah berkhidmat di dua buah universiti sebelum menyertai UMT iaitu Pusat Persediaan Kajian Teknikal ke Jepun (PPKTJ), UTM dan Pusat Pengajian Bahasa Linguistik (PPBL), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Beliau telah memperolehi Diploma Pendidikan Bahasa Jepun dari Japan Foundation, Jepun pada tahun 1995, Ijazah Sarjana Muda dalam bidang pengurusan perniagaan dari Universiti Ibaraki, Jepun pada tahun 1994, Ijazah Sarjana dalam bidang bahasa moden dari Universiti Malaya pada tahun 2002 dan Doktor Falsafah dalam bidang analisis wacana bahasa Jepun dari Universiti Putra Malaysia pada 2015. Beliau telah menerbitkan lebih daripada 30 penerbitan yang terdiri daripada artikel jurnal berindek, buku, bab dalam

buku dan modul bahasa Jepun. Beliau juga adalah antara empat orang pengasas kepada pertubuhan Malaysian Association of Japanese Language Instructors Society (MAJLIS) dan beliau pernah menjadi penceramah di beberapa siri ceramah berkenaan bahasa Jepun.

7. **Rokiah Pae** merupakan Pensyarah Kanan di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Bidang kajian beliau adalah pemerolehan bahasa asing dan pengajaran dan pembelajaran bahasa Jepun. Beliau telah mengajar bahasa Jepun melebihi 15 tahun dan pernah juga mengajar di UM, UPM dan UTM. Beliau telah memperoleh ijazah sarjana muda dalam bidang Kesusasteraan Jepun (BA) dari Universiti Shizuoka, ijazah sarjana dalam bidang Bahasa dan Budaya Jepun dari National Graduate Institute of Policy Studies (GRIPS), manakala, bagi PhD pula, dalam bidang Psikologi Pendidikan dari Universiti Sains Malaysia. Beliau juga bergiat dalam bidang interpretasi dan terjemahan.

8. **Roslina Mamat** merupakan Prof. Madya di Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), Universiti Putra Malaysia. Bidang kajian beliau ialah analisis perbualan dan budaya popular Jepun. Beliau telah mengajar bahasa Jepun melebihi 20 tahun dan pernah bekerja sebagai pengajar di Universiti Malaya dan pensyarah jemputan di Universiti Chuo, Tokyo selama dua tahun. Beliau telah memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam bidang ekonomi (B. Ec.) dari Universiti Hiroshima (1994), serta Ijazah Sarjana (MMLS) dan Doktor Falsafah dalam bidang analisis wacana bahasa Jepun dari Universiti Malaya. Beliau telah menerbitkan lebih daripada 60 hasil penerbitan terdiri daripada artikel jurnal, buku, bab dalam buku dan modul bahasa Jepun. Beliau juga pernah memberi syarahan umum pada 10 Mac 2016 melalui MAJAS Member Lecture Series anjuran Persatuan Pengajian Jepun Malaysia (MAJAS). Tajuk syarahan beliau adalah "Ciri-ciri luaran dalam perbualan bahasa Jepun dari sudut pengambilan giliran" di FBMK, UPM.

9. **Tg. Iffah Tuan Yazid** merupakan Pengajar Bahasa Jepun di Jabatan Pengajian Umum, Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Kelantan. Pengalaman beliau dalam mengajar bahasa Jepun lebih kurang 8 tahun. Selain mengajar di Universiti Malaysia Kelantan, beliau juga ditawarkan untuk mengajar di salah satu syarikat Jepun dan sekolah menengah swasta di daerah Kota Bharu. Di samping itu, beliau juga berpengalaman dalam mengkoordinasi program Pesta Budaya Kelate-Jepun, program yang julung kali diadakan di Kota Bharu. Beliau telah memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengajian Asia Timur (Bahasa Jepun) dari Universiti Malaya (2009). Pada tahun 2008, beliau mendapat tawaran ke Jepun di bawah Program Pertukaran Pelajar di Soka Universiti, Tokyo, Jepun. Beliau juga telah menerbitkan buku teks bahasa Jepun di samping beberapa artikel bersama.

10. **Yuzairi Abdul Rahim** merupakan Pensyarah Kanan di Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Mekanikal, Universiti Malaysia Perlis. Beliau pernah menetap di Jepun selama 13 tahun, iaitu 9 tahun belajar di University of Yamanashi, Jepun dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal di peringkat *Degree* (4 tahun), *Master* (2 tahun), *PhD* (3 tahun) dan juga pernah bekerja sebagai Jurutera Rekabentuk di *Showa Glove Inc. Japan* selama 4 tahun. Walaupun bidang kajian beliau adalah berkaitan Kejuruteraan, namun dengan minat dan kesungguhan beliau dalam bidang bahasa dan budaya Jepun, beliau bersama dengan Pn Zeety Kartini (UUM) telah berjaya membantu membentangkan pelbagai kertas kerja hasil kajian di seminar kebangsaan dan antarabangsa. Beliau juga merupakan Presiden KIZUNA Malaysia iaitu sebuah badan *Non Government Organization* (NGO) yang sedang menjalankan aktiviti melibatkan belia Malaysia dan belia dari Jepun di kedua-dua buah negara, dan juga pelbagai aktiviti kebudayaan dan aktiviti mempromosikan bahasa Jepun.

11. **Zeety Kartini Abdul Hamid** merupakan tenaga pengajar bahasa Jepun di Universiti Utara Malaysiadi Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah. Pengalaman beliau selama 23 tahun dalam mengajar bahasa Jepun bermula dari tahun 2000 sehingga kini. Beliau merupakan graduan *Osaka Universiti of Foreign Studies* dan sekarang dikenali sebagai *Osaka University*. Bidang kajian beliau adalah berkaitan bahasa dan budaya Jepun dan telah membentangkan pelbagai kertas kerja hasil kajian beliau di seminar kebangsaan dan antarabangsa. Sekarang beliau aktif dengan pelbagai aktiviti kebudayaan dan aktiviti mempromosikan bahasa Jepun di Utara Semenanjung Malaysia sebagai tenaga pengajar bahasa dan budaya Jepun, penceramah program dan juga sebagai juri pertandingan yang melibatkan bahasa dan budaya Jepun. Beliau juga merupakan salah seorang ahli KIZUNA Malaysia iaitu sebuah badan *Non Government Organization* (NGO) yang sedang menjalankan aktiviti melibatkan belia Malaysia dan belia dari Jepun di kedua-dua buah negara.

12. **Zoraida Mustafa** merupakan Profesor Madya di Fakulti Pengajian Bahasa Utama, dan juga Dekan Pusat Pengajian Teras Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Beliau pernah berkhidmat di Ambang Asuhan Jepun, Universiti Malaya selama lebih kurang 20 tahun sebelum berpindah ke USIM. Mendapat ijazah pertama daripada Kanazawa University, Jepun dalam bidang Bahasa dan Kesusasteraan Jepun pada tahun 1995, beliau seterusnya meneruskan pengajian ijazah sarjana dan kedoktoran dalam bidang Bahasa dan Budaya Jepun di Hiroshima University, Jepun. Kepakaran beliau adalah dalam bidang bahasa dan budaya Jepun. Selain daripada penghasilan artikel berkaitan penyelidikan, beliau merupakan penulis utama untuk buku teks "Bahasa Jepun Menengah Rendah" yang digunakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sejak tahun 2017. Terlibat secara langsung dengan projek penterjemahan dan penerbitan buku "Razak Sensei" ke dalam bahasa Jepun selaku perunding dan proof-reader. Pada tahun 2020 beliau telah menterjemahkan hasil nukilan Profesor Emeritus Tan Sri Dzulkifli Razak "Sains Untuk Manusia" ke dalam bahasa Jepun terbitan Penerbit Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau juga merupakan Pengerusi kepada Persatuan Pengajar

Bahasa Jepun Malaysia atau lebih dikenali sebagai MAJLIS sejak penubuhannya pada tahun 2016. Sumbangan beliau dalam perkembangan pendidikan bahasa dan budaya Jepun di Malaysia telah mendapat pengiktirafan kerajaan Jepun apabila beliau dipilih sebagai penerima Anugerah Kementerian Luar Negara Jepun pada tahun 2019 dan Anugerah The Order of The Rising Sun, Gold and Silver Rays daripada Kerajaan Jepun pada tahun 2023.

## INDEKS

- aktiviti, 1, 2, 16, 18, 21, 68, 69, 86, 91, 96, 101, 102, 103, 105, 114, 115
- aplikasi, 1, 2, 3, 5, 6, 8, 10, 11, 13, 17, 24, 25, 28, 29, 30, 32, 33, 37, 39, 40, 42, 54, 55, 56, 58, 59, 69, 84, 87, 88, 92, 93, 94, 95, 99, 100, 107, 112, 113
- audio, 36, 37, 40, 41, 42, 43, 113
- bertutur, 22, 28, 29, 52
- breakout room*, 116
- CLO - *Course Learning Outcomes*, 10
- cloud computing*, 94
- digital, 1, 6, 8, 11, 12, 13, 54, 57, 70, 71, 86, 106, 117, 118
- E - Story*, 18
- emoji*, 4, 41, 42
- Falsafah Pendidikan Negara, 16, 51
- Google Classroom*, 54, 58
- Google Meet*, 11, 13, 19, 20, 42, 47, 54, 55, 58, 59, 68
- hiragana*, 5, 6, 7, 10, 11, 72, 86, 96
- ilustrasi, 40, 73, 84, 88
- interaktif, 39, 71, 113
- jamboard*, 1, 57, 71
- kana*, 7, 46
- kanji*, 5, 6, 7, 10, 72, 73, 74, 75, 77, 79, 80, 82, 84, 85, 86, 87, 88, 89, 90, 96
- katakana*, 5, 6, 7, 10, 72, 86, 96
- kelas fizikal, 1
- kognitif, 74
- komunikasi, 16, 46, 68, 107
- laman sesawang, 10, 34, 37, 38, 40, 44, 55, 75, 108, 109, 113, 114
- LMS (Learning Management System)*, 107
- Malaysia Higher Education Blueprint*, 101
- Marugoto*, 34, 36, 37, 40, 84, 85
- media sosial, 17, 34, 36, 51, 92
- membaca, 10, 52, 62, 86, 107, 112, 115
- mendengar, 8, 10, 52, 62, 107, 112
- menulis, 2, 6, 7, 10, 11, 12, 15, 28, 52, 53, 62, 64, 68, 86, 106, 107, 112, 114, 115, 116
- Microsoft Power Point*, 13, 14
- Minna no Nihongo*, 46, 59, 77, 79, 90
- Moodle*, 107
- m-pembelajaran, 91, 92, 99, 100
- multimedia, 117
- Online and Distance Learning (ODL)*, 32
- ortografi, 73, 86, 88
- Padlet*, 54, 112, 113, 114, 115, 117, 118
- papan putih, 1, 3, 4, 8, 11
- PdP, 1, 2, 8, 10, 11, 13, 14, 15, 16, 17, 32, 35, 41, 45, 50, 51, 55, 56, 57, 58, 59, 60, 63, 66, 68, 70, 73, 91, 92, 99, 106, 107, 108, 109, 110, 112, 115, 117
- PdPR, 16, 17, 18, 19, 21, 22, 23, 25, 28, 30, 31, 52, 53, 54, 57, 69
- Pembelajaran Abad ke-21 (PAK-21), 16
- peranti, 11, 15, 52, 55, 57, 84, 113
- Perintah Kawalan Pergerakan, 17, 45, 50
- platform, 11, 13, 32, 34, 36, 52, 59, 86, 107, 117
- Pollbot*, 96, 97, 98
- Power Point*, 13, 18, 19, 23, 24
- Quizbot*, 96, 97
- segerak (*synchronous*), 32
- Skeddybot*, 98, 99
- Snipping Tool*, 40
- soalan objektif (MQA), 39
- Tamanegi*, 33
- tatabahasa, 15, 24, 28, 38, 52, 64, 73, 110
- Telegram*, vi, 32, 33, 37, 39, 40, 41, 42, 43, 44, 91, 92, 93, 94, 95, 96, 97, 99
- The Common European Framework of Reference for Languages (CEFR)*, 4
- tidak segerak (*asynchronous*), 32
- tulisan, 1, 2, 4, 5, 6, 7, 8, 10, 11, 13, 14, 15, 36, 46, 60, 72, 74, 82, 86, 87, 96, 107, 113, 116
- video, 10, 28, 36, 37, 38, 41, 42, 58, 94, 95, 113
- whiteboard*, 1, 2, 8, 9
- Whiteboard.fi*, 1, 2, 3, 5, 6, 8, 9
- writing pad*, 11, 12, 13, 14
- Youtube*, 10, 46, 54
- Zoom*, 11, 13, 42, 47



## *Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Jepun Secara Dalam Talian*

*Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) telah menjadi alat yang sangat penting di masa kini. Penularan Pandemik Covid- 19 di seluruh dunia telah mengaktifkan dan merancakkan lagi penggunaan ICT bagi kelangsungan hidup. Ini tidak terkecuali dalam bidang pendidikan. Perubahan ini berlaku dengan drastik dan mendesak dalam pengendalian PdP di peringkat pendidikan rendah mahupun tinggi. Sama ada suka atau tidak, pengajar mahu pun pelajar terpaksa menggunakan wadah PdP yang sebelum ini begitu asing bagi mereka seperti zoom, google meet, google classroom dan microsoft teams. Perubahan ini menuntut ramai pengajar tidak kira sama ada yang baru mengajar atau telah berpengalaman berpuluh tahun untuk bermula dari asas menggunakan alat-alat pengajaran secara maya ini. Mereka meneroka dan mencuba pelbagai perisian dan aplikasi yang ada dalam usaha mencari yang paling sesuai dan mudah digunakan dalam sesi PdP secara maya. Sungguhpun begitu, walaupun sukar, tidak dinafikan ramai pengajar yang berani dan rajin mencuba dan berjaya menemui malah mencipta kaedah pengajaran yang dirasakan berkesan dalam melaksanakan PdP dalam talian. Untuk itu, MAJLIS mengambil inisiatif untuk mengumpulkan sebanyak mungkin teknik, kaedah, maklumat tersebut dalam bentuk penulisan dan dikumpulkan dalam satu sumber, iaitu buku elektronik atau e-Buku ini. E-Buku ini bukan hanya menyajikan panduan atau teknik-tenik PdP secara maya tetapi secara tidak langsung menjadi wadah untuk para pengajar bahasa Jepun berkongsi pendapat dan pengalaman. Diharapkan akan lebih banyak lagi artikel-artikel yang berkaitan penggunaan ICT dalam PdP dikongsikan dan menjadi rujukan para pengajar dalam bidang pendidikan bahasa Jepun di Malaysia mahupun di seluruh pelusuk dunia.*



マレーシア日本語教師会  
Malaysia Japanese Language Instructors Society

e ISBN 978-629-97994-0-5

